

Research Article

Emosi dan Faktor Mempengaruhi Murid Pemulihan Khas Sekolah Rendah

Cheah Chinn Chyr^{1,*}, and Muhammad Syawal Amran²

¹ Universiti Kebangsaan Malaysia; p130213@siswa.ukm.edu.my;  0009-0002-4748-4623

² Universiti Kebangsaan Malaysia; syawal@ukm.edu.my;  0000-0001-6308-8757

* Correspondence: p130213@siswa.ukm.edu.my; +601151882010.

Abstrak: Murid mengalami pelbagai jenis emosi sepanjang hari di sekolah. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti jenis dan kekerapan emosi murid pemulihan khas serta meneroka faktor yang mempengaruhi emosi mereka. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan campuran iaitu kaedah kuantitatif dan kualitatif. Seramai enam orang murid pemulihan khas yang berumur 9 tahun telah dipilih melalui kaedah persampelan bertujuan. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik dan temu bual. Data dikumpul melalui soal selidik dan temu bual separa berstruktur. Data kuantitatif dianalisis secara deskriptif manakala data temu bual dianalisis secara tematik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa jenis emosi yang dialami oleh murid pemulihan khas ialah gembira, sedih, takut, kejut dan marah. Emosi gembira adalah emosi dominan dalam kalangan murid pemulihan khas. Kekerapan emosi gembira didapati paling tinggi antara jenis emosi yang dialami oleh murid pemulihan khas. Dapatan kajian ini menunjukkan murid pemulihan khas cenderung mengalami emosi gembira sepanjang hari di sekolah. Faktor yang mempengaruhi emosi murid pemulihan khas sekolah rendah ialah faktor aktiviti pembelajaran, sokongan guru, sokongan rakan sebaya dan keluarga. Kajian ini membawa implikasi kepada guru pemulihan khas agar lebih memahami emosi yang dialami oleh murid pemulihan seterusnya membantu guru merancang aktiviti yang mampu meningkatkan emosi gembira dalam kalangan murid pemulihan khas di sekolah.

Kata kunci: Emosi; faktor mempengaruhi emosi murid; murid pemulihan khas.

DOI: 10.5281/zenodo.15788763



Copyright: © 2025 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

1. PENGENALAN

Emosi murid merupakan aspek penting untuk diberi perhatian dalam konteks pendidikan. Murid yang diberi sokongan dari segi emosi cenderung mengalami suasana pembelajaran yang lebih positif, berasa lebih menyukai sekolah dan melibatkan diri secara aktif dalam pelbagai aktiviti, sebaliknya murid yang tidak diberi sokongan emosi menunjukkan bahawa sikap negatif terhadap pendidikan (Sarnou & Sarnou, 2022). Sokongan emosi yang diberikan kepada murid dalam pendidikan bukan sahaja dapat mewujudkan persekitaran pembelajaran yang positif, tetapi juga boleh mempengaruhi pencapaian akademik seperti emosi kegembiraan dapat meningkatkan motivasi belajar, manakala emosi negatif seperti kebosanan dan kemarahan boleh mengurangkan keberkesanan pembelajaran murid (Camacho-Morles et al., 2021). Emosi kegembiraan dan kebanggaan cenderung meningkatkan prestasi akademik, manakala emosi kebimbangan boleh menghalang proses pembelajaran (Zhang et al, 2021). Dengan itu, emosi memainkan peranan penting dalam peningkatan pencapaian akademik.

Murid pemulihan khas merupakan seorang murid yang berada di dalam kelas arus perdana, namun mereka mempunyai prestasi akademik yang lemah dan mengalami masalah emosi. Murid pemulihan merupakan golongan murid yang menghadapi kesukaran dalam menguasai kemahiran asas pembelajaran iaitu, kemahiran membaca, kemahiran menulis dan kemahiran mengira (3M) (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012). Murid pemulihan khas mengalami masalah emosi seperti perasaan rendah diri, bimbang, marah dan kecewa (Norazman et al., 2021). Murid pemulihan khas juga bersikap negatif terhadap pembelajaran serta kurang keyakinan diri dan sikap positif terhadap pembelajaran (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012). Murid pemulihan yang sering mengalami emosi negatif seperti sukar memberi tumpuan, menunjukkan penurunan motivasi, atau mengelak daripada melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran (Nur Faizahton & Nur Azimah, 2023). Masalah emosi dalam kalangan murid pemulihan khas dipengaruhi oleh faktor kesihatan mental dan psikologi mereka (Shelton, 1971). Kekurangan sokongan daripada guru dan keluarga serta motivasi sendiri yang rendah juga merupakan faktor yang mempengaruhi emosi murid pemulihan khas (Sultan & Bing, 2020). Tanpa sokongan yang mencukupi dari guru dan keluarga, murid pemulihan merasa tertekan dan tidak mampu untuk mengatasi cabaran pembelajaran mereka. Motivasi sendiri yang rendah menyebabkan mereka merasa tidak berdaya dan tidak bersemangat dalam proses pembelajaran (Sultan & Bing, 2020).

Emosi membawa kesan terhadap pembelajaran (Putwain, Schmitz, Wood & Pekrun, 2020; Méndez-Aguado et al., 2020; Tan et al., 2021; Johnson, 2022; Xiang et. al, 2023) dan faktor yang menyebabkan emosi negatif dalam kalangan murid (Helmane, 2016; Omerogullari, 2022) dikaji secara meluas. Namun, kajian terhadap jenis emosi dan kekerapan emosi yang dialami oleh murid pemulihan khas serta faktor-faktor yang mempengaruhi emosi masih kurang meluas, terutamanya dalam bidang pendidikan pemulihan. Dengan itu, terdapat keperluan untuk mengkaji emosi yang dialami oleh murid pemulihan khas sepanjang hari di sekolah dan meneroka faktor lain yang mempengaruhi emosi murid pemulihan khas secara mendalam. Oleh itu, kajian ini secara khusus bertujuan untuk mengenal pasti jenis dan kekerapan emosi pemulihan khas sekolah rendah dalam tempoh 10 hari persekolahan. Kajian ini juga meneroka faktor yang mempengaruhi emosi murid pemulihan khas sekolah rendah. Kajian ini dijalankan agar dapat memberi gambaran kepada guru pemulihan khas tentang emosi yang dialami oleh murid pemulihan khas pada hari persekolahan secara terperinci demi mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif di sekolah. Dapatan kajian ini juga membantu guru akademik biasa dan guru pemulihan khas untuk merancang aktiviti pembelajaran yang berkesan berdasarkan perkembangan emosi murid pemulihan khas.

2. METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan campuran (mixed method) iaitu kaedah kuantitatif dan kualitatif. Penyelidikan campuran ialah pendekatan metodologi yang mengintegrasikan kedua-dua pengumpulan dan analisis data kuantitatif dan kualitatif dalam satu kajian untuk memberikan pemahaman yang menyeluruh tentang persoalan kajian (Johnson, Onwuegbuzie & Turner, 2007). Kaedah kuantitatif digunakan adalah untuk mengenal pasti jenis emosi dan kekerapan emosi murid pemulihan khas. Kaedah kualitatif digunakan bagi meneroka faktor yang mempengaruhi emosi murid pemulihan khas.

Sampel kajian ini melibatkan murid pemulihan khas dari sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) di bandar Sungai Siput, Kuala Kangsar, Perak. Seramai 6 orang responden dikenal pasti dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan (purposive sampling). Persampelan bertujuan merupakan suatu proses pemilihan responden secara bertujuan untuk mendapatkan data dan maklumat yang diperlukan untuk menjawab persoalan kajian (Creswell, 2013). Pemilihan responden dijalankan berdasarkan kriteria kerana pemilihan sampel adalah berdasarkan ciri-ciri yang dimiliki oleh sampel (Creswell & Creswell, 2018). Ciri-ciri pemilihan responden bagi kajian ini ialah murid berumur 9 tahun, berada dalam kelas yang sama dan terlibat dalam Program Pemulihan Khas.

Keenam-enam responden kajian dirujuk mengikut kod-kod supaya dapat melindungi maklumat responden (Sharp, 2003). Langkah ini memudahkan pengkaji membuat analisis dan pemerhatian terhadap segala maklumat yang diperolehi secara mendalam dan terperinci.

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik dan temu bual. Borang soal selidik diadaptasi daripada Ekman (1992) yang mengandungi enam emosi asas iaitu gembira, sedih, kejut, takut, marah dan jijik untuk menentukan kriteria emosi kanak-kanak. Instrumen yang digunakan bagi meneroka faktor-faktor yang mempengaruhi emosi murid pemulihan khas ialah temu bual. Kaedah temu bual merujuk perbualan dua hala di antara responden dengan pengkaji yang bertujuan untuk mendapatkan maklumat kajian (Creswell, 2013). Terdapat tiga jenis kaedah temu bual iaitu temu bual berstruktur, temu bual separa berstruktur dan temu bual tidak berstruktur (Creswell, 2013). Dalam kajian ini, kaedah temu bual separa berstruktur digunakan yang mana terdapat beberapa soalan utama sahaja disediakan dan seterusnya soalan susulan yang berdasarkan jawapan yang diberikan oleh responden akan dipersoalkan (Robson, 2011). Penggunaan temu bual separa berstruktur mampu meneroka faktor-faktor yang mempengaruhi emosi murid pemulihan khas secara mendalam.

Kajian ini menggunakan borang soal selidik dan temu bual sebagai proses pengumpulan data. Borang soal selidik digunakan untuk mengumpul maklumat daripada responden mengenai jenis emosi yang dialami oleh murid pemulihan khas. Emosi dipengaruhi oleh peristiwa yang berlaku di sekeliling dan menyebabkan perubahan emosi dari masa ke masa (Kuppens & Verduyn, 2017). Dengan itu, soal selidik dilaksanakan dua kali sehari, iaitu pada waktu pagi dan petang, selama 10 hari persekolahan demi mengelakkan bias dalam data yang diperolehi serta mendapatkan gambaran emosi murid yang lebih jelas.

Setelah murid menjawab borang soal selidik, temu bual dilakukan secara formal dan terbuka berasaskan protokol temu bual. Temu bual boleh dijalankan menggunakan kaedah bersemuka dan tidak bersemuka (Chua, 2016). Dalam kajian ini, pengkaji memilih kaedah bersemuka. Semasa sesi temu bual, pengkaji menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur iaitu dengan menyoal soalan kepada responden tentang faktor yang mempengaruhi mereka mengalami emosi tersebut. Pada masa yang sama pengkaji diberi kebebasan untuk bertanya dengan lebih terperinci yang berkaitan dengan faktor tersebut. Seterusnya, pengkaji menyusun semula soalan mengikut keperluan dan situasi temu bual supaya responden mampu memahami apa yang hendak dijawab. Rakaman turut dilakukan bagi menyimpan dan memainkan semula data temu bual. Langkah ini adalah penting untuk memastikan segala maklumat yang berkaitan adalah tepat dan mendapatkan maklumat lain yang tidak tercatat sewaktu sesi temu bual dilakukan.

Kebolehpercayaan menunjukkan kestabilan dan ketekalan item-item soal selidik (Creswell, 2010; Rosinah, 2012) manakala kesahan merujuk kepada sejauh mana alat ukuran dapat mengukur apa yang sepatutnya diukur oleh alat tersebut (Hanna & Dettmer, 2004). Borang soal selidik dan protokol temu bual dirangka dan disusun mengikut urutan bagi memudahkan penilaian data nanti. Setelah instrumen soal selidik dan soalan temu bual dirangka, pengkaji mendapat bantuan dari seorang pakar dalam bidang pendidikan untuk menyemak dan membuat pengesahan instrumen kajian. Instrumen kajian dimurnikan mengikut cadangan daripada pakar. Berdasarkan komen pakar-pakar, instrumen yang digunakan adalah sah dan pernyataan item menepati tujuan kajian. Instrumen ini telah dirintis ke atas dua orang responden yang mempunyai kriteria pensampelan yang sama. Kajian rintis dijalankan adalah untuk mendapatkan pengesahan kepada tahap kebolehpercayaan soal selidik yang dijalankan supaya hasil dapatan adalah benar dan boleh dipercayai (Merriam, 2009). Dapatan kajian rintis menunjukkan soalan ini adalah sesuai digunakan dalam menjawab persoalan kajian.

3. DAPATAN KAJIAN

3.1 Mengenal pasti jenis emosi murid pemulihan khas sekolah rendah dalam tempoh 10 hari persekolahan.

Kajian mendapati bahawa jenis emosi yang dialami oleh murid pemulihan khas dalam tempoh 10 hari persekolahan ialah gembira, sedih, takut, kejut dan marah. Emosi jijik tidak dialami oleh murid pemulihan khas dalam tempoh 10 hari persekolahan. Berdasarkan Jadual 1, emosi gembira merupakan emosi dominan yang dialami dalam kalangan murid pemulihan khas dengan jumlah kekerapan sebanyak 92 (76.7%), iaitu kekerapan 41 (34.2%) pada waktu pagi dan kekerapan 51 (42.5%) pada waktu petang. Emosi sedih direkodkan dengan jumlah kekerapan sebanyak 16 (13.3%), iaitu kekerapan 13 (10.8%) pada waktu pagi dan kekerapan 3 (2.5%) pada waktu petang. Emosi takut direkodkan dengan kekerapan 8 (6.7%), iaitu kekerapan 3 (2.5%) pada waktu pagi dan kekerapan 5 (4.2%) pada waktu petang. Emosi kejut menunjukkan kekerapan 2 (1.7%) pada waktu pagi sahaja. Emosi marah pula dicatatkan dengan kekerapan 2 (1.6%), iaitu kekerapan 1 (0.8%) pada waktu pagi dan petang.


Jadual 1. Jenis emosi murid pemulihan khas dalam tempoh 10 hari persekolahan.

Hari	Hari ke-1 hingga ke-10*				Jumlah	
Emosi	Pagi		petang			
	Kekerapan	Peratus (%)	Kekerapan	Peratus (%)	Kekerapan	Peratus (%)
Gembira	41	34.2	51	42.5	92	76.7
Sedih	13	10.8	3	2.5	16	13.3
Takut	3	2.5	5	4.2	8	6.7
Kejut	2	1.7	0	0.0	2	1.7
Marah	1	0.8	1	0.8	2	1.6

*Hasil tambah dalam tempoh 10 hari persekolahan


3.2 Mengenal pasti kekerapan emosi murid pemulihan khas sekolah rendah dalam tempoh 10 hari persekolahan

Dapatan kajian tentang kekerapan emosi murid pemulihan khas pada waktu pagi dan petang dalam tempoh 10 hari persekolahan dipersembahkan dalam bentuk graf garisan. Rajah 1 menunjukkan kekerapan murid yang mengalami emosi gembira pada waktu pagi dan petang dalam tempoh 10 hari persekolahan. Pada minggu 1 waktu pagi, kekerapan emosi gembira menurun dari hari Isnin hingga Khamis, bermula dengan kekerapan 5 pada hari Isnin. Pada hari Khamis minggu 1, kekerapan emosi gembira adalah terendah iaitu dua orang murid berasa gembira pada waktu pagi. Bilangan murid yang mengalami emosi gembira meningkat semula dan semua murid pemulihan khas berasa gembira pada hari Jumaat pagi dalam minggu 2. Majoriti murid pemulihan khas mengalami emosi gembira pada waktu petang, kecuali pada hari Khamis dalam minggu 1 dan hari Rabu dalam minggu 2. Kajian ini juga mendapati bahawa emosi gembira lebih kerap dialami oleh murid pada waktu petang berbanding dengan waktu pagi. Analisis data ini menunjukkan murid pemulihan khas cenderung mengalami emosi gembira pada waktu petang.




Rajah 1. Kekerapan emosi gembira murid pemulihan khas dalam tempoh 10 hari persekolahan.

Rajah 2 menunjukkan kekerapan murid pemulihan khas yang mengalami emosi sedih dalam tempoh 10 hari persekolahan. Kajian mendapati bahawa murid pemulihan khas lebih mengalami emosi sedih pada waktu pagi berbanding dengan waktu petang. Kekerapan emosi sedih meningkat pada hari Khamis waktu pagi dengan kekerapan 2 pada minggu 1 dan kekerapan 3 dalam minggu 2. Hal ini menunjukkan murid lebih mengalami emosi sedih pada hari Khamis. Kajian juga mendapati bahawa emosi sedih kurang dialami oleh murid pemulihan khas pada waktu petang. Hanya seorang murid berasa sedih pada petang hari Khamis dalam minggu 1 dan dua orang murid pemulihan khas mengalami emosi sedih pada petang hari Rabu dalam minggu 2.




Rajah 2. Kekerapan emosi sedih murid pemulihan khas dalam tempoh 10 hari persekolahan.

Rajah 3 menunjukkan kekerapan emosi takut yang dialami oleh murid pemulihan khas dalam tempoh 10 hari persekolahan. Emosi takut hanya dialami oleh murid pemulihan khas pada hari Rabu dan Khamis dalam minggu 1. Pada hari Rabu, kekerapan emosi takut adalah rendah, dengan seorang murid melaporkan emosi takut pada waktu pagi dan petang. Kekerapan emosi takut adalah tertinggi pada hari Khamis dengan seramai dua orang murid pemulihan berasa takut pada waktu pagi manakala seramai empat orang murid mengalami emosi takut pada waktu petang. Analisis data ini menunjukkan majoriti murid pemulihan khas berasa takut pada hari Khamis petang.




Rajah 3. Kekerapan emosi takut murid pemulihan khas dalam tempoh 10 hari persekolahan.

Rajah 4 menunjukkan kekerapan emosi kejut dalam kalangan murid pemulihan khas dalam tempoh 10 hari persekolahan. Emosi kejut hanya dialami oleh seorang murid pemulihan khas pada waktu pagi hari Isnin dan Rabu dalam minggu 1.



Rajah 4. Kekerapan emosi kejut murid pemulihan khas dalam tempoh 10 hari persekolahan.

Rajah 5 menunjukkan kekerapan emosi marah yang dialami oleh murid pemulihan khas dalam tempoh 10 hari persekolahan. Seorang murid pemulihan khas mengalami emosi marah pada waktu pagi hari Selasa. Pada hari Rabu, hanya seorang murid pemulihan khas berasa marah pada waktu petang.



Rajah 5. Kekerapan emosi marah murid pemulihan khas dalam tempoh 10 hari persekolahan.

3.3 Meneroka faktor yang mempengaruhi emosi murid pemulihan khas sekolah rendah dalam tempoh 10 hari persekolahan

Emosi murid dipengaruhi oleh beberapa faktor sepanjang berada di sekolah. Hasil analisis temu bual menunjukkan bahawa terdapat empat faktor utama yang mempengaruhi emosi murid pemulihan khas iaitu faktor aktiviti pembelajaran, sokongan guru, sokongan rakan sebaya dan keluarga.

3.3.1 Faktor Aktiviti Pembelajaran

Aktiviti pembelajaran merupakan faktor yang mempengaruhi emosi murid pemulihan khas. Hasil analisis temu bual mendapati bahawa aktiviti pembelajaran yang bervariasi dan melibatkan interaksi aktif dapat memberi kesan positif terhadap emosi murid pemulihan khas. Majoriti murid pemulihan khas menunjukkan emosi gembira pada waktu pagi kerana hari tersebut mempunyai waktu Pendidikan Jasmani (PJ) dan waktu Pendidikan Kesihatan (PK). Aktiviti-aktiviti dalam waktu PJ dan PK membolehkan murid bermain dan berinteraksi dengan rakan-rakannya. Ini menunjukkan bahawa aktiviti dalam waktu tersebut telah mencipta suasana yang menyenangkan dan menggembirakan mereka. Selain itu, murid diberi peluang untuk melukis dan mewarna dalam waktu PK. Melalui aktiviti ini, murid berasa gembira serta diberi peluang untuk meneroka minat dan bakat mereka secara bebas. Contohnya, dua orang peserta kajian menyatakan mereka berasa gembira pada waktu PK kerana boleh melukis dan mewarna secara bebas. Perkara ini adalah seperti dalam kenyataan peserta kajian,

"Rasa gembira, cikgu. Ada aktiviti mewarna dan melukis pada waktu PK" (R1)

"Rasa gembira. Semasa waktu PK kerana boleh melukis dengan kawan-kawan. (R5)

"Gembira, Hari ini ada waktu PJ. Nanti boleh main dengan kawan" (R2)

"Gembira, boleh main dengan kawan. Lagi, boleh main kejar-kejar. Suka waktu PJ" (R5)

".....Nanti ada waktu PJ, boleh main dengan kawan" (R6)

Selain itu, hasil kajian juga mendapati bahawa aktiviti hands-on seperti aktiviti eksperimen dalam waktu pembelajaran Sains turut mempengaruhi emosi murid secara positif. Majoriti murid pemulihan khas menyatakan mereka berasa gembira pada waktu pagi dan petang. Hal ini kerana mereka boleh pergi ke bilik sains untuk membuat eksperimen serta boleh belajar sambil bermain. Sebagai contoh,

"Ada gembira.... semasa waktu Sains.... belajar Sains dan boleh lihat barang-barang Sains di makmal Sains..... berasa seronok" (R1)

"Gembira kerana boleh buat eksperimen pada waktu Sains.boleh buat dan sambil belajar. (R2)

"..... Kerana boleh buat aktiviti eksperimen.... hahaha.. seronok... buat bersama kawan" (R3)

"..... Ada waktu Sains hari ini.... nanti cikgu bagi buat eksperimen" (R4)

"..... Kerana boleh belajar pada waktu Sains...buat eksperimen..... kerana seronok...." (R4)

"..... Boleh buat aktiviti pembelajaran Sains... Eksperimen Sains... Haha" (R5)

"Gembira kerana nanti boleh pergi ke makmal Sains..." (R6)

"Saya rasa gembira kerana ada waktu Sains hari ini. Tadi cikgu bagi kami buat eksperimen secara berkumpulan. Boleh belajar sambil bermain... Haha... sangat gembira loh...!" (R6)

Namun, murid pemulihan khas akan menunjukkan emosi sedih apabila mereka menjalankan aktiviti yang mereka tidak sukai. Kajian mendapati bahawa seorang murid pemulihan khas menyatakan dia berasa sedih kerana nanti ada waktu Bahasa Melayu (BM) dan berasa susah untuk belajar BM. Kenyataan ini disokong oleh pendapat dari R5 iaitu:

"Har ahhh.... sedih....., Nanti ada sesi pembelajaran BM... Tak mahu belajar BM.. Kerana susah lah.... BM" (R5)

Pelaksanaan pertandingan Matematik dalam sesi pembelajaran dapat menyebabkan murid mengalami emosi takut dan sedih pada waktu petang. Majoriti murid pemulihan mengalami perasaan takut atau sedih kerana tidak tahu menjawab soalan dan tidak sempat menjawab soalan pertandingan tersebut. Oleh itu, pertandingan itu telah mempengaruhi emosi mereka dan menyebabkan emosi takut dan sedih timbul dalam kalangan murid pemulihan. Sebagai contoh,

"Ada pertandingan Matematik, takut tak sempat siap.... lagi, takut banyak tak betul.... nanti tak dapat hadiah oh...." (R2)

"Takut, tadi ada pertandingan Matematik.... tak tahu buat ah cikgu...." (R4)

"Sedih, Kerana guru bagi 50 soalan dalam Pertandingan Matematik itu....banyak" (R5)

3.3.2 Faktor Sokongan Guru

Hasil kajian juga mendapati bahawa ciri-ciri guru juga mampu mempengaruhi emosi murid pemulihan khas. Guru yang bersifat mesra, seperti baik, tersenyum dan sentiasa memberi pujian atau galakan boleh menyebabkan murid berasa gembira. Ini menunjukkan pujian dan galakan yang diberi kepada murid telah memberi kesan positif terhadap emosi mereka. Apabila murid pemulihan khas mendapat pujian dan galakan daripada guru, murid berasa dihargai dan seterusnya berasa gembira hingga waktu petang. Sebaliknya, emosi marah dan takut dialami oleh murid pemulihan khas apabila guru bersikap garang. Murid-murid berasa marah dan takut kerana mereka dimarahi oleh

guru. Emosi ini boleh menjejaskan emosi mereka hingga waktu petang. Sebagai contoh, pada kenyataan peserta kajian,

“saya dapat sijil penyertaan. Cikgu ada puji saya. Saya gembira lah” (R2)

“Gembira. Kalau dapat betul semua, dapat bintang dan ganjaran.” (R2)

“Emosi gembira. Tadi saya dapat bintang.. Bintang itu boleh tukar hadiah. Cikgu pun ada puji saya” (R2)

“Saya suka waktu Matematik kerana cikgu baik. Cikgu terang Matematik dengan jelas ” (R3)

“Rasa marah,. Cikgu, tadi saya dimarahi oleh guru. Saya lupa buat kerja. Cikgu garang” (R4)

“Cikgu marah takut sedikit loh” (R4)

“Takut dimarah. Kerana saya belum siap kerja cikgu yang cikgu beri tadi” (R4)

3.3.3 Faktor Sokongan Rakan Sebaya

Rakan sebaya turut merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi emosi murid. Berdasarkan analisis temu bual, murid pemulihan khas mengalami emosi gembira kerana mereka dapat bermain dan berinteraksi dengan kawan-kawannya. Pada waktu pagi, murid berasa gembira dan tidak menanti-nanti untuk bertemu dengan kawannya di bilik darjah. Kehadiran rakan sebaya juga menjadi dorongan untuk menggalakkan murid pemulihan khas untuk hadir ke sekolah agar boleh bermain dan belajar di dalam kelas. Sebagai contoh, kenyataan daripada peserta kajian 5, iaitu “Rasa gembira, boleh hadir ke sekolah.... Boleh jumpa kawan, main bersama kawan”. Ini menunjukkan bahawa persekitaran yang gembira telah diwujudkan bagi murid pemulihan khas akibat kehadiran rakan-rakannya di sekolah. Perkara ini adalah seperti dalam kenyataan peserta kajian,

“Boleh berkawan.... boleh main dengan kawan” (R3)

“tadi boleh bermain dengan kawan dengan gembira” (R4)

“Gembira lah pagi ini..... boleh bermain dengan kawan-kawan” (R5)

“Gembira, boleh main dengan kawan..... penting ada kawan... Haha” (R5)

“tadi kongsi makanan dengan kawan pada waktu rehat. Ermmm, lagi, tadi main dengan kawan. boleh belajar dengan kawan. Kawan duduk bersama saya mah.....” (R6)

3.3.4 Faktor Keluarga

Emosi murid juga boleh dipengaruhi oleh keluarga. Hubungan yang harmoni daripada ahli keluarga iaitu ibu bapa dapat membantu murid berasa gembira. Hal ini membolehkan murid hadir ke sekolah pada waktu pagi dengan emosi yang gembira. Seorang murid menyatakan, “Saya rasa gembira kerana pagi tadi ibu sediakan makanan kepada saya” (Responden kajian 1). Ini menunjukkan kasih sayang dan perhatian daripada ahli keluarga memainkan faktor yang penting dalam membentuk emosi positif dalam kalangan murid pemulihan khas. Kenyataan ini disokong oleh pendapat dari R1 dan R5,

“Rasa gembira kerana tadi tolong itu dan ibu sediakan makanan kepada saya. Semalam juga tolong ibu buat kerja rumah” (R1)

“kerana makan bersama dengan keluarga semalam” (R1)

“Ibu beri wang kepada saya untuk beli makanan, bersama ibu... Haha....” (R1)

“Bapa sudah balik dari Singapura....” (R5)

4. PERBINCANGAN

Berdasarkan dapatan kajian, murid pemulihan khas mengalami emosi gembira, sedih, takut, marah dan kejut sepanjang hari persekolahan. Kekerapan emosi gembira didapati paling tinggi antara jenis emosi yang dialami oleh murid pemulihan khas. Dapatan kajian ini menunjukkan murid pemulihan khas cenderung mengalami emosi gembira sepanjang hari di sekolah. Hal ini menjelaskan murid pemulihan khas kurang mengalami masalah emosi seperti perasaan sedih dan marah. Emosi gembira pada waktu petang kerap dialami oleh murid berbanding dengan waktu pagi. Dapatan ini menunjukkan murid pemulihan khas lebih berasa lebih gembira pada waktu petang.

Berdasarkan dapatan kekerapan emosi gembira, kekerapan emosi gembira yang dialami oleh murid pemulihan khas adalah tertinggi pada hari Jumaat pagi dan petang kerana mereka boleh menjalankan eksperimen dan aktiviti pembelajaran secara berkumpulan pada waktu Sains. Dengan itu, salah satu faktor yang mempengaruhi murid pemulihan khas mengalami emosi gembira adalah aktiviti pembelajaran. Aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan seperti eksperimen Sains menyebabkan murid berasa gembira. Hal ini kerana aktiviti pembelajaran tersebut melibatkan pembelajaran aktif. Pembelajaran aktif ini menjadikan pembelajaran lebih menyeronokkan dan menarik. Pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan dapat meningkatkan motivasi dan kesejahteraan murid (Hamid et al., 2020; Abdullah et al., 2021). Pembelajaran aktif juga membantu murid membina kemahiran komunikasi dan kolaborasi. Selain itu, eksperimen amat menitikberatkan aktiviti ‘hands-on’ yang mementingkan penglibatan murid dalam eksperimen yang dijalankan. Aktiviti ‘hands-on’ mampu menarik perhatian murid, memberikan peluang mereka untuk belajar secara praktikal dan mengurangkan emosi negatif seperti bosan atau takut. Contohnya, murid pemulihan khas berasa gembira kerana mereka dapat belajar sambil bermain dan berinteraksi dengan rakan sebayanya. Oleh itu, aktiviti pembelajaran aktif mampu meningkatkan penglibatan murid dalam sesi pembelajaran dan seterusnya membentuk emosi gembira dalam kalangan murid pemulihan khas.

Selain itu, kajian mendapati bahawa peranan keluarga, terutamanya ibu bapa penting dalam menyokong kesejahteraan emosi murid. Kasih sayang dan perhatian daripada keluarga seperti menyediakan makanan atau meluangkan masa bersama akan dijadikan sebagai dorongan untuk meningkatkan emosi gembira murid pemulihan khas. Hal ini menepati teori ekologi Bronfenbrenner yang menekankan keluarga sebagai salah satu pengaruh kepada perkembangan emosi seseorang kanak-kanak. Keluarga berfungsi sebagai asas sokongan yang memberi kesan terhadap emosi murid pemulihan khas. Perhatian yang diberikan oleh ibu bapa, seperti memberikan kasih sayang dan meluangkan masa bersama dapat meningkatkan keyakinan diri dan emosi gembira mereka. Hasil dapatan kajian ini adalah selari dengan kajian Razak et al. (2021) yang menunjukkan bahawa sokongan keluarga membantu meningkatkan keyakinan diri dan kesejahteraan emosi murid.

Sokongan guru turut merupakan faktor yang mempengaruhi emosi murid pemulihan khas. Guru yang mesra dan memberi pujian atau ganjaran mampu meningkatkan emosi gembira murid, manakala guru yang garang atau sering memarahi murid boleh menyebabkan murid mengalami emosi takut dan marah. Guru yang baik dan mesra akan disukai oleh murid dan mendorong murid suka akan waktu mata pelajaran tersebut. Dalam kajian ini, beberapa murid pemulihan khas suka akan waktu Matematik atau Sains kerana guru mata pelajaran tersebut baik, memberi bintang sebagai ganjaran serta memberi sokongan atau pujian kepada mereka. Sebaliknya, terdapat seorang murid berasa marah akibat dimarahi oleh guru. Dapatan ini disokong dengan kajian Lee dan Abdullah (2021) yang mendapati bahawa sokongan emosi daripada guru dapat mempengaruhi emosi murid.

Sokongan rakan sebaya merupakan faktor penting yang mempengaruhi emosi murid. Kehadiran rakan sebaya memberikan sokongan emosi gembira, namun konflik atau pergaduhan boleh menyebabkan emosi sedih dan marah. Rakan sebaya merupakan dorongan utama yang menggalakkan murid hadir ke sekolah dengan emosi yang gembira. Mereka boleh menjalankan aktiviti pembelajaran dan berinteraksi dengan kawan sepanjang hari persekolahan. Namun, emosi sedih akan dialami oleh murid jika bergaduh dengan rakannya. Dengan itu, rakan sebaya adalah penting dalam membentuk pengalaman pembelajaran yang positif bagi murid pemulihan khas.

Meneliti dapatan yang diperoleh, emosi sedih, takut, marah dan kejut kurang dialami oleh murid serta emosi jijik tidak dialami oleh murid pemulihan di sekolah. Dapatan ini menggambarkan murid pemulihan khas dalam kajian ini lebih bersikap positif. Murid pemulihan khas boleh tidak dilabel sebagai murid yang bersikap negatif, bersikap negatif terhadap pembelajaran dan kurang sikap positif terhadap pembelajaran. Sekiranya murid pemulihan khas mengalami emosi negatif seperti sedih atau takut, terdapat faktor yang mempengaruhi emosinya. Emosi takut cenderung dialami oleh murid pada waktu petang dalam minggu 1 terutamanya pada hari Khamis, tetapi tidak berulang dalam minggu 2. Keadaan ini berkait rapat dengan aktiviti pada hari tersebut iaitu pertandingan Matematik dijalankan dalam sesi pembelajaran. Pelaksanaan pertandingan Matematik menimbulkan emosi takut dan tekanan dalam kalangan murid. Dapatan kajian ini selari dengan kajian oleh Yusoff dan Nordin (2022) yang mendapati bahawa tekanan boleh menyebabkan emosi negatif dalam kalangan murid.

Majoriti murid pemulihan khas mengalami emosi yang positif dan tidak mempunyai masalah emosi. Hasil kajian ini boleh membantu guru-guru, terutamanya guru pemulihan untuk lebih memahami murid pemulihan dari aspek emosi mereka. Dapatan kajian ini menekankan kepentingan dalam menjalankan aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan bagi membentuk emosi gembira dan memastikan kesejahteraan emosi murid pemulihan khas. Kerjasama antara guru, keluarga dan rakan sebaya adalah kunci untuk membantu murid mengalami emosi yang positif, meningkatkan motivasi dan keyakinan diri mereka untuk mencapai kejayaan dalam pembelajaran.

5. KONKLUSI

Murid pemulihan khas mengalami pelbagai jenis emosi yang dipengaruhi oleh beberapa faktor. Hasil kajian ini telah menyumbang kepada dapatan kajian yang berkaitan dengan emosi yang dialami oleh murid pemulihan khas sekolah rendah dan faktor-faktor yang mempengaruhi emosinya. Kajian ini boleh membantu guru untuk lebih memahami murid pemulihan khas dari aspek emosi mereka. Emosi gembira murid pemulihan khas mampu ditingkatkan melalui aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan, hubungan rakan sebaya yang positif, dan sokongan keluarga yang kukuh. Guru pemulihan khas dan guru akademik biasa juga disarankan untuk mengamalkan pendekatan pengajaran yang lebih kreatif dan membina hubungan yang baik dengan murid. Dengan itu, kesejahteraan emosi murid pemulihan khas barulah dapat dibentuk dan dijamin. Kajian ini mempunyai limitasi dari segi sample saiz kerana sample kajian ini terdiri daripada murid pemulihan khas sekolah rendah di sebuah sekolah sahaja. Justeru, penyelidik akan datang dicadangkan untuk melibatkan murid arus perdana dan meluaskan skop kajian seperti mengumpul data dari lokasi kajian yang lebih luas. Bilangan sampel kajian perlu diperluaskan agar memberikan gambaran yang lebih tepat tentang populasi kajian serta meningkatkan kebolehpercayaan dapatan kajian.

Rujukan

- Abdullah, M. A., et al. (2021). Impact of joyful learning on special education students. *Journal of Educational Psychology*, 45(3), 203-215.
- Ahmed, W., Minnaert, A., van der Werf, G., & Kuyper, H. (2020). Teachers' support and students' academic emotions: Mediating effects of cognitive appraisals. *Learning and Individual Differences*, 78, 101813.
- American Psychological Association. (n.d.). Emotion. In *APA dictionary of psychology*. Retrieved April 25, 2024, from <https://dictionary.apa.org/emotion>
- Camacho-Morles, J., Slep, G. R., Pekrun, R., Loderer, K., Hou, H., & Oades, L. G. (2021). Activity achievement emotions and academic performance: A meta-analysis. *Educational Psychology Review*, 33(3), 1051–1095.
- Chua, Y. P. (2016). *Mastering Research Methods 2nd Edition*. Singapore: Routledge.
- Clarke, V., & Braun, V. (2017). Thematic analysis. *The Journal of Positive Psychology*, 12(3), 297–298.
- Creswell, J. W. (2010). *Research design: Pendekatan kualitatif, kuantitatif dan mixed (Edisi Ketiga)*. Yogyakarta: PT Pustaka Pelajar.
- Creswell, J. W. (2013). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches (4th ed.)*. Sage Publications.
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2018). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches (5th ed.)*. Sage Publications.
- Ekman, P. (1984). Expression and the Nature of Emotion. In Scherer, K. & Ekman, P. (Eds.), *Approaches to Emotion* (pp. 319-343). Hillsdale, NJ: Lawrence Erlbaum.
- Ekman, P. (1992). "Facial Expressions of Emotion: New Findings, New Questions". *Psychological Science*. 3(1): 34–38.
- Forsblom, L., Peixoto, F., & Mata, L. (2021). Perceived classroom support: Longitudinal effects on students' achievement emotions. *Learning and Individual Differences*, 85, 101959.
- Goetz, T., Bieleke, M., Gogół, K., Tartwijk, J., Mainhard, T., Lipnevich, A., & Pekrun, R. (2021). Getting along and feeling good: Reciprocal associations between student-teacher relationship quality and students' emotions. *Learning and Instruction*, 71, 101349.
- Haliza, H. & Joy Nesamalar, S. (2016). *Pengurusan bilik darjah dan tingkah laku Edisi Kedua*. Shah Alam, Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Hamid, S., et al. (2020). The role of teacher-student interaction in emotional well-being. *Malaysian Journal of Special Education*, 15(2), 102-114.
- Hanna, G. S., & Dettmer, P. A. (2004). *Assessment for effective teaching: using context adaptive planning*. Boston: Pearson Education.
- Helmane, I. (2016). Emotions of primary school pupils in Mathematics lessons. *Signum Temporis*, 8(1), 22-29.
- Johnson, R. (2022). Emotional regulation and social interaction in elementary school children: a longitudinal study. *Child Development*, 89(4), 1123-1137.
- Johnson, R., Onwuegbuzie, A., & Turner, L. (2007). Toward a Definition of Mixed Methods Research. *Journal of Mixed Methods Research*, 1, 112 - 133.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). *Garis panduan pelaksanaan program pemulihan khas*. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Khas.
- Kuppens, P., & Verduyn, P. (2017). Emotion dynamics. *Current Opinion in Psychology*, 17, 22–26.
- Lee, C. Y., & Abdullah, S. (2021). Teacher empathy and student happiness: A study in special education contexts. *International Journal of Inclusive Education*, 25(4), 341-354.
- Liu, Z. (2023). The effect of emotion regulation on pupils' peer relationships. *BCP Education & Psychology*. 9: 323-329.

- Méndez-Aguado, C., Aguilar-Parra, J.M., Álvarez, J. F., Trigueros, R. & Fernández-Archilla, J. A. (2020). The influence of emotions, motivation and habits in the academic performance of primary education students in French as a foreign language. *Sustainability*, 12(6), 2531-2542.
- Merriam, S. B. (2009). *Qualitative research: A guide to design and implementation* (3rd ed). San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Müller, C., Cillessen, A., Egger, S., & Hofmann, V. (2021). Peer influence on problem behaviors among students with intellectual disabilities. *Research in Developmental Disabilities*, 114, 103994.
- Naparan, G. B. & Alinsug, V. G. (2021). Classroom strategies of multigrade teachers. *Social Sciences & Humanities Open*, 3(1): 1-6.
- Norazman, Z., Jalaludin, N., & Fauzi, R. (2021). Emotional Challenges in Remedial Education. *International Journal of Inclusive Education*, 9(3), 30–50.
- Nur Faizahon, S. & Nur Azimah, M. B. (2023). Faktor keciciran murid-murid Program Pemulihan Khas sekolah rendah di Malaysia. *Jurnal Pengajian Melayu – JOMAS*, 34(1), 26-48.
- Omerogullari Melike & Glaser Zikuda Michaela. (2022). Relationships between school enjoyment, social integration, and achievement at the beginning of primary school: does family background matter? *European Journal of Psychology and Educational Research*, 5(2), 127-143.
- Panksepp, J. (1998). *Affective neuroscience: The foundations of human and animal emotions*. Oxford University Press.
- Pekrun, R. (2006). The control-value theory of achievement emotions: Assumptions, corollaries, and implications for educational research and practice. *Educational Psychology Review*, 18: 315–341.
- Pekrun, R., & Perry, R. P. (2014). The control-value theory of achievement emotions. In R. Pekrun & L. Linnenbrink-Garcia (Eds.), *International handbook of emotions in education* (pp. 120–141). New York, NY: Routledge.
- Pekrun, R., Goetz, T., Titz, W., & Perry, R. P. (2002). Academic emotions in students' self-regulated learning and achievement: A program of qualitative and quantitative research. *Educational Psychologist*, 37(2), 91–105.
- Putwain, D. W., Schmitz, E. A., Wood, P. & Pekrun, R. (2020). The role of achievement emotions in primary school mathematics: Control–value antecedents and achievement outcomes. *British Journal of Educational Psychology*, 91, 347–367.
- Razak, N. A., et al. (2021). Family support and emotional resilience among special needs students. *International Journal of Child Development and Education*, 14(2), 159-175.
- Robson, C. (2011). *Real World Research*. Third edition. John Wiley and Sons, Chichester.
- Rosinah Edinin. (2012). *Penyelidikan tindakan: kaedah dan penulisan* (Edisi Kedua). Kuala Lumpur: Freemind Horizons Sdn. Bhd.
- Sarnou, D., & Sarnou, H. (2022). Highlighting the consequences of ignoring children's emotions in schools: case of 30 pupils in three Algerian primary schools. *Academy Journal of Educational Sciences*, 6(1), 44-51.
- Sharp, C.A. (2003). Qualitative Research and Evaluation Methods. *Evaluation Journal of Australasia*, 3(2), 23-35.
- Shelton, B. O. (1971). *Teaching and guiding the slow learner*. West Nyack, N.Y: Parker Publishing Company, Inc
- Sultan, J. B., & Bing, K. W. (2020). The Characteristics of Cognitive, Emotional and Social Development of Remedial Students in Learning Numeracy. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 10(3), 893–901.
- Tan J, Mao J, Jiang Y, Gao M. (2021). The Influence of Academic Emotions on Learning Effects: A Systematic Review. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 18(18): 9678.
- Tsang, A. & Davis, C. 2024. Young Learners' Well-Being and Emotions: Examining Enjoyment and Boredom in the Foreign Language Classroom. *The Asia-Pacific Education Researcher*, 1-8.
- Xiang Wei Mou, Yu Xin, Yong Fu Song, Jin Shan Xiang, Yuan Bin Tang. (2023). An empirical study on learners' learning learning emotion and learning effect in offline learning environment. *Plos One*, 18(11): 0294407.

Xu, W. & Zammit, K. (2020). Applying thematic analysis to education: A hybrid approach to interpreting data in practitioner research. *International Journal of Qualitative Methods*, 19: 1-9.

Yusoff, H., & Nordin, F. (2022). Academic pressure and emotional well-being in inclusive education. *Journal of Psychology and Education*, 38(3), 215-230.

Zhang, K., Wu, S., Xu, Y., Cao, W., Goetz, T., & Parks-Stamm, E. J. (2021). Adaptability promotes student engagement under COVID-19: the multiple mediating effects of academic emotion. *Frontiers in psychology*, 11, 633265.

Zurina Mustaffa, Zaharah Hussin & Abdul Muhsien Sulaiman. (2021). Pedagogi terbeza untuk pengajaran guru terhadap kepelbagaian murid. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(9): 202-214.